**PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ**
**TARIKH: 30 APRIL 2024 (SELASA)**

## MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • RECYCLE FOR REWARDS |

## LAIN-LAIN PBT

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | THE STAR | MBSA<br>MPSEPANG<br>DBKL | • RETENTION PONDS TO DEAL WITH KG MELAYU SUBANG FLOODS<br>• SEPANG BUDGET<br>• SETAPAK ROADWORKS TO TAKE A MONTH |
| 2. | KOSMO | MPAJ | • KERJASAMA MAREA, MPAJ PUPUK AMALAN KITAR SEMULA |

## UMUM

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 1. | THE STAR | • RINGGIT FLAT AGAINTS US DOLLAR |
| 2. | SINAR HARIAN | • PERMOHONAN FASA KEDUA UPUONLINE DIBUKA HINGGA 9 JUN<br>• KELAS TERAPUNG ATASI MASLAH KEPADATAN PELAJAR - FADHLINA |
| 3. | KOSMO | • KELAS TERAPUNG ATASI MASALAH SEKOLAH PADAT |
| 4. | BERITA HARIAN | • EKONOMI DIUNJUR BERKEMBANG 4.3 PERATUS TAHUN INI<br>• APUNG HARGA BAHAN API BERPERINGKAT LEBIH SESUAI<br>• SUASANA KONDUSIF RANGSANG PRODUKTIVIT PEKERJA, TINGKAT DAYA SAING ORGANISASI<br>• KANAK-KANAK TERUS DILINDUNGI HADAPI CABARAN AI<br>• PERSATUAN, KERAJAAN KENA BINCANG CARI PENYELESAIAN<br>• KERAJAAN RANCANG GALAK PASANG SISTEM SOLAR DI HOSPITAL |
| 5. | UTUSAN MALAYSIA | • MENGAKU SALAH PERDAYA PENGERUSI PERTUBUHAN<br>• HENTI OPERASI PASAR MALAM WAKTU MAGHRIB HANYA UNTUK PENIAGA ISLAM<br>• KELAS TERAPUNG ATASI MASALAH SEKOLAH PADAT<br>• PENSTRUKTURAN SEMULA AKAUN KWSP IMBANGI KEHIDUPAN RAKYAT |
| 6. | NEW STRAITS TIMES | • A.I. PROMPTING GOVT TO AMEND CHILD SEXUAL OFFENCES LAW<br>• LOW WAGES A BIG STUMBLING BLOCK |
| 7. | THE SUN | • RINGGIT FLAT AGAINTS DOLLAR WITH INVESTORS IN 'WAIT-AND-SEE' MODE<br>• SOLAR INITIATIVES FOR PUBLIC HOSPITALS<br>• MALAYSIA AIMS TO MOVE UP R&D INVESTMENTS LADDER |

## RECYCLE FOR REWARDS ✓

> Subang Jaya City Council is offering Mobile Legends in-game rewards for recycled goods. Game enthusiasts can bring recyclable items to Stadium MBSJ Serdang Jaya to receive exciting prizes. For details, call 03-80263131 or visit mbsj.gov.my

THE STAR
Tarikh: 30 APR 2024

Star 30/4 (MBSA)

# Retention ponds to deal with Kg Melayu Subang floods

By MEGAT SYAHAR
megatsyahar@thestar.com.my

THE proposed construction of three retention ponds to mitigate floods in Kampung Melayu Subang, Shah Alam in Selangor will be discussed by the Petaling District's action committee.

Shah Alam mayor Cheremi Tarman said there were ongoing discussions to identify locations for the retention ponds.

"If possible, we aim to avoid land acquisition and will identify suitable areas before proceeding, although details have not been discussed yet," he said.

He added that MBSA would collaborate with Petaling District and Land Office to study the extent of the land required.

"For flood mitigation at the location, we will coordinate with Drainage and Irrigation Department (DID) as the issue involves river overflow.

"We believe internal drains need assessment as there seems to be a lack of connection between them.

"I understand that there are proposed upgrades by DID, but it is yet to be executed," he told *StarMetro* during Shah Alam City Council's (MBSA) Jamuan Aidilfitri 2024 in Shah Alam.

Kota Damansara assemblyman Muhammad Izuan Ahmad Kasim said the plan for retention ponds followed flash floods on April 17 that lasted three hours.

The flood was due to overflow from Sungai Damansara, he said.

Kampung Melayu Subang was an unplanned township, he said, adding that lack of drains was also another reason for floods.

Muhammad Izuan said among the long-term flood mitigation plans was to ensure existing drains were cleared.

"Approximately 500 houses were affected by the flash flood.

"Construction of the retention ponds may affect around 20 houses during the process, but ultimately could mitigate flash floods for over 400 houses in the area," he added.

THE STAR
Tarikh: 30 APR 2024

**SEPANG BUDGET**

> Sepang Municipal Council is inviting the public to give ideas for its budget next year. Visit ideabajet.mpsepang.gov.my to give input. The portal will be open until May 31.

THE STAR
30 APR 2024
Tarikh:





Lai showing the progress on Jalan Langkawi. (Right) Machinery parked along the road to facilitate resurfacing works at the Setapak site.

# Setapak roadworks to take a month

Star
30/4
(DBKL)

## Pothole-ridden Jalan Langkawi finally being resurfaced after a decade

**Story and photos by JAROD LIM**
jarodlim@thestar.com.my

ROAD resurfacing works along Jalan Langkawi in Taman Teratai Mewah Kuala Lumpur is a welcome sight for Setapak residents.

This is because the road was riddled with potholes and had been a bane to motorists.

Kuala Lumpur Advisory Board member Andre Lai said resurfacing works, which started from a stretch in front of Langkawi Apartment, would take a month to complete.

"Tender for the project was awarded last year, but was delayed due to a change in the person-in-charge of the project at Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

"The scope of the work includes resurfacing 920m of Jalan Langkawi until the junction with Jalan Chong Hwa," he told *StarMetro* when met at the site.

Lai added that the road condition was bad due to multiple trench works for installation of underground utility cables.

He added that the route had been the main access to two property construction sites along the road for the past 10 years.

"Only ad hoc repairs were done on the road before this.

"The road resurfacing would benefit many motorists who use it as a shortcut to Jalan Genting Klang and Jalan Gombak."

At the site, machinery used for road paving was parked at the side of the road, reducing it to one lane to facilitate the road resurfacing project.

Lai also lauded DBKL's effort in paving the roads of the commercial area along Jalan 1/23f.

"Also, the majority of Kampung Kuantan roads have been paved.

"Motorists are urged to be patient while the road along Jalan Langkawi are being resurfaced," he said.

THE STAR
30 APR 2024
Tarikh:..............................

# Ringgit flat against US dollar

Star 30/4

**KUALA LUMPUR:** The ringgit ended flat against the US dollar yesterday as investors took a "wait-and-see" approach ahead of the latest economic assessment by the US Federal Open Market Committee during its meeting on April 30 and May 1, says an analyst.

At 6pm, the ringgit was unchanged at 4.7650/7700 versus the greenback from last Friday's close of 4.7650/7710.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Mohd Afzanizam Abdul Rashid reckoned that market participants would maintain a cautious stance ahead of the meeting, as well as the release of key data points on the US labour market.

"Nevertheless, the ringgit remains fairly stable, in tandem with major currencies that have strengthened against the US dollar," he pointed out. — Bernama

THE STAR
Tarikh: 30 APR 2024

# Permohonan fasa kedua UPUOnline dibuka hingga 9 Jun

Sinar, 30/4

**PUTRAJAYA** - Permohonan Fasa 2 UPUOnline® bagi kemasukan pelajar Sesi Akademik 2024/2025 ke program Asasi, Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di 20 universiti awam (UA), 36 politeknik, 105 kolej komuniti dan empat Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) kini dibuka hingga 9 Jun ini.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memaklumkan, permohonan itu hanya dibuka bagi program pengajian yang tidak bertemu duga atau ujian dan semua calon yang berkelayakan dipelawa mengambil peluang berkenaan bagi menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi.

"Terdapat 504 program pengajian ditawarkan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 1,114 program pengajian kepada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf oleh UA, politeknik, kolej komuniti dan ILKA di seluruh negara," menurut kenyataan itu pada Isnin.

KPT memaklumkan, calon boleh membuat pembelian nombor PIN UPUOnline® melalui Bank Simpanan Nasional (BSN). - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 30 APR 2024

# Kelas terapung atasi masalah kepadatan pelajar - Fadhlina

Sinar 30/4

**KLANG** - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan konsep 'kelas terapung' di seluruh negara bagi menangani sekolah yang mempunyai pelajar berkepadatan tinggi.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, kelas terapung itu antara inisiatif terbaik dengan mewujudkan kelas atau bilik darjah khas bagi mengatasi kesesakan pelajar.

"Penggunaan fasiliti sekolah akan dioptimumkan sebaik mungkin pihak sekolah seperti makmal, bengkel, bilik bahasa dan bilik kesihatan," katanya selepas meninjau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru di sini pada Isnin.

Bagaimanapun, Fadhlina berkata, tidak semua sekolah akan menggunakan dinamika kelas terapung bagi subjek pelajaran tertentu dan ia bergantung kepada kesesuaiannya.

"Jika mereka ada kelas lebih, boleh buat konsep itu. Jika tiada, mungkin boleh guna kaedah lain bagi mengatasi masalah kepadatan pelajar," ujar beliau.

Statistik terkini KPM mendapati sebanyak 86 sekolah padat dikenal pasti mempunyai lebih 40 pelajar dalam sesebuah kelas termasuk di sekitar Lembah Klang.

Mengulas mengenai lawatannya di SMK Meru, Fadhlina menjelaskan, hasil tinjauan menerusi program Tindak Susul Parlimen Siri Satu di SMK tersebut mendapati sesi pembelajaran dan pergerakan pelajar berjalan teratur setakat ini.

Beliau berkata, sekolah itu mempunyai 4,198 pelajar dan 240 guru bagi sesi penuh turut mengambil inisiatif mewujudkan kelas terapung.

"Pengalaman seumpama ini yang kita boleh lihat untuk digunakan di sekolah lain dalam jangka masa pendek atau sederhana.

"Bagi jangka masa panjang, pembinaan sekolah baharu juga diharap dapat menyelesaikan isu kepadatan itu dengan turut meliputi sesi libat urus bersama kerajaan negeri," ujar beliau.



Fadhlina (dua dari kiri) melawat salah sebuah kelas semasa meninjau SMK Meru, Klang pada Isnin.

SINAR HARIAN
Tarikh: 30 APR 2024

# Kerjasama Marea, MPAJ pupuk amalan kitar semula

kosmo 30/4 (MPAJ)

AMALAN kitar semula sering dijalankan oleh pelbagai organisasi di negara ini dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Baru-baru ini, platform sukarelawan, Malaysian Recycling Alliance (Marea) menjalin kerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), khusus untuk menggalakkan penduduk Ampang Jaya mengamalkan pengasingan sisa kitar semula dengan menyediakan perkhidmatan kutipan barangan kitar semula di kawasan strata.

Program Kutipan Kitar Semula Strata itu adalah satu usaha kolektif antara MPAJ dan Marea yang melibatkan 9,100 isi rumah daripada 23 kediaman berstrata di kawasan MPAJ bertujuan meningkatkan kadar kitar semula dan mengurangkan sisa yang perlu dihantar ke tapak pelupusan sampah.

Program itu merupakan salah satu inisiatif Marea di bawah *Extended Producer Responsibility* (EPR) dengan kerjasama MPAJ sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memupuk tanggungjawab memelihara alam sekitar bersama dalam kalangan masyarakat.



**BENETELLO (dua dari kanan) dan Dr. Ani (tengah) semasa pelancaran Program Kutipan Kitar Semula Strata di Ampang Jaya baru-baru ini.**

Ketua Pegawai Eksekutif Marea, Roberto Benetello menekankan bahawa Malaysia sedang menghadapi cabaran alam sekitar yang kritikal dengan masalah tempat pelupusan sampah yang melimpah, manakala kadar kitar semula negara pada 2022 pula adalah hanya 33 peratus.

"Kitar semula dan pengasingan sisa di punca adalah tanggungjawab kolektif. Dengan kerjasama MPAJ, program ini membolehkan kami melibatkan penduduk secara langsung, mendidik mereka untuk menjalankan pengasingan sisa di punca dengan cara betul dan menyediakan perkhidmatan kutipan sisa kitar semula secara terus dari kediaman.

"Inisiatif pengumpulan seperti ini penting dalam membantu kami fahami cabaran kitar semula di peringkat akar umbi dan tingkatkan usaha kitar semula di seluruh negara bagi mencapai sasaran kadar kitar semula negara sebanyak 40 peratus menjelang 2025," katanya.

Yang Dipertua MPAJ, Dr. Ani Ahmad pula berkata, penting untuk masyarakat mula beralih daripada sistem ekonomi linear kepada ekonomi kitaran.

"Program Kutipan Kitar Semula Strata hasil kerjasama agensi kerajaan dan swasta ini berpotensi merealisasikan peralihan kepada ekonomi kitaran.

"Sebagai PBT, MPAJ komited untuk meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran penduduk Ampang Jaya dan perkara ini akan berhasil sekiranya penduduk amalkan pengasingan sisa di punca dan amalan kitar semula yang pastinya membantu mengelakkan limpahan sisa di tapak pelupusan sampah," katanya.

KOSMO
Tarikh: 30 APR 2024

# 'Kelas terapung' atasi masalah sekolah padat

**KLANG** – Konsep 'kelas terapung' antara inisiatif terbaik mengatasi masalah sekolah yang berkepadatan tinggi di seluruh negara.

Statistik terkini Kementerian Pendidikan mendapati sebanyak 86 buah sekolah dikenal pasti mempunyai lebih 40 pelajar dalam satu kelas termasuk di sekitar Lembah Klang.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, kelas terapung itu merupakan bilik darjah khas yang diwujudkan bagi mengatasi kesesakan pelajar dengan penggunaan fasiliti seperti makmal, bengkel dioptimumkan sebaik mungkin.

"Namun, tidak semua sekolah akan menggunakan dinamika kelas terapung bagi subjek pelajaran tertentu itu dan ia bergantung kepada kesesuaiannya.

"Jika mereka ada kelas lebih, boleh buat konsep itu. Jika tiada, mungkin boleh guna kaedah lain bagi mengatasi masalah kepadatan pelajar," katanya semalam.

Fadhlina memberitahu, hasil tinjauan pihaknya menerusi program Tindak Susul Parlimen (TSP) Siri Satu di SMK Meru mendapati sesi pembelajaran dan pergerakan pelajar berjalan dengan teratur setakat ini.

"Pihak pentadbiran sekolah yang mempunyai mempunyai 4,198 pelajar dan 240 guru bagi sesi penuh itu mewujudkan kelas terapung.

"Jadi, pengalaman seumpama ini yang kita boleh lihat untuk digunakan di sekolah lain dalam jangka masa pendek," ujarnya.

kosmo 30/4



**FADHLINA beramah mesra dengan pelajar ketika Program TSP di SMK Meru, Klang, semalam.**

KOSMO
Tarikh: 3 0 APR 2024

# Ekonomi diunjur berkembang 4.3 peratus tahun ini

BH 30/4

**Ekonomi** Malaysia diunjurkan berkembang lebih baik iaitu 4.3 peratus tahun ini dengan permintaan domestik kekal pemacu utama pertumbuhan, kata Ahli Ekonomi Kanan Bank Dunia, Shakira Teh Sharifuddin.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan perbelanjaan isi rumah akan meningkat sederhana kepada 5.2 peratus tahun ini berbanding 4.7 peratus tahun lalu.

Katanya, pertumbuhan perbelanjaan isi rumah itu dijangka disokong penambahbaikan berterusan dalam pasaran pekerjaan dan pertumbuhan gaji serta sokongan pendapatan isi rumah daripada kerajaan termasuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Bagi penggunaan awam pula jelasnya, dijangka berkembang pada kadar 2.8 peratus pada 2024, sebahagiannya berikutan kenaikan gaji penjawat awam dan perbelanjaan dari segi kesihatan dan pendidikan.

"Dari segi pelaburan, kita jangka berkembang 5.1 peratus disokong pelaksanaan projek infrastruktur seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), MyDIGITAL 5G dan Lebuhraya Pan Borneo.

"Dari segi luaran, eksport Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada sebahagian pemulihan permintaan global.

"Eksport Malaysia dijangka meningkat 4.8 peratus tahun ini selepas menguncup 7.9 peratus tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *BH* pada temu bual eksklusif bersama *BH* baru-baru ini. Hadir sama, Ahli Ekonomi Bank Dunia, Deisigan Shammugam.

Mengulas potensi risiko penurunan pertumbuhan, Shakira berkata, jika pertumbuhan global lemah berikutan krisis geopolitik yang menjadi lebih besar daripada dijangkakan akan menjejaskan permintaan luaran, sekali gus memberi kesan kepada pertumbuhan.

Beliau berkata, potensi risiko penurunan selanjutnya ialah prestasi ekonomi China yang mana jika lebih lemah daripada jangkaan pasti menjejaskan pertumbuhan global dan Malaysia tidak terkecuali.

Sementara faktor domestik pula, katanya, jika pertumbuhan pendapatan boleh guna rakyat lebih lemah daripada dijangka berikutan inflasi tinggi boleh menjejaskan pertumbuhan.

Mengenai potensi ekonomi negara untuk terus meningkat daripada dijangkakan, Shakira berkata, faktor seperti pertumbuhan ekonomi negara maju lebih kukuh daripada dijangkakan, pelaburan swasta yang utuh serta peningkatan kemasukan pelancong asing ke negara ini akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Mengenai inflasi, beliau berkata, pihaknya menjangkakan inflasi keseluruhan diunjurkan kekal sekitar 2.5 peratus pada 2024 berbanding 2.5 peratus pada 2023.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 APR 2024

# Apung harga bahan api berperingkat lebih sesuai



## Mansuh subsidi secara mendadak boleh jejaskan kumpulan rentan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Pemansuhan** subsidi bahan api secara mendadak boleh memberi kesan kepada inflasi, justeru lebih wajar mengapungkan harga bahan api mengikut harga pasaran secara berperingkat bagi mengurangkan impaknya kepada golongan rentan, kata Bank Dunia.

Ahli Ekonomi Kanan Bank Dunia, Shakira Teh Sharifuddin, berkata berdasarkan analisis, pihaknya mendapati pemansuhan subsidi bahan api secara keseluruhan dan mendadak boleh menyebabkan kadar inflasi meningkat sebanyak 9 peratus.

Pada masa sama, katanya, komunikasi yang berkesan juga perlu untuk memastikan semua pihak jelas mengenai bila, bagaimana dan impak subsidi bersasar dilaksanakan.

"Kita perlu buat secara berperingkat dan memang itu sudah diberitahu Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Kementerian Kewangan," katanya kepada *BH* pada temu bual eksklusif baru-baru ini. Hadir sama, Ahli Ekonomi Bank Dunia, Deisigan Shammugam.

Beliau berkata demikian mengulas pendekatan terbaik untuk memastikan pelaksanaan subsidi bersasar bahan api tidak memberi kesan mendadak kepada peningkatan harga barang dan perkhidmatan, sekali gus menjejaskan kumpulan isi rumah rentan.

### Harus disusuli bantuan tunai

Shakira berkata, selain mekanisme pelaksanaan yang baik disertai komunikasi berkesan, pemansuhan subsidi perlu diiringi pemberian bantuan tunai kepada kumpulan isi rumah yang terkesan bagi mengurangkan impak rasionalisasi subsidi bahan api kepada golongan rentan.

Beliau berkata, lazimnya dalam mana-mana pembaharuan subsidi terutama membabitkan peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar, ia seharusnya disusuli bantuan tunai.

"Memberi bantuan tunai kepada isi rumah terkesan amat penting. Saya fikir ia adalah antara satu sebab kenapa Kementerian Ekonomi membuat Pangkalan Data Utama (PADU) supaya sebolehnya semua isi rumah yang patut dapat bantuan sekurang-kurangnya dapat menerima bantuan daripada kerajaan," katanya.




*Shakira dan Deisigan ditemu bual BH, baru-baru ini.* (Foto Aswadi Alias/BH)

Mengulas pandangan sesetengah pihak pemberian bantuan tunai akan menyebabkan kebergantungan isi rumah rentan kepada bantuan kerajaan, Shakira mempunyai pandangan berbeza.

Beliau berkata, kajian dalaman Bank Dunia menunjukkan bantuan tunai berkesan untuk mengurangkan kesenjangan dan merapatkan jurang kemiskinan.

Jelasnya, apa yang penting dari segi pelaksanaan bantuan tunai ialah kumpulan sasaran dan kuantum jumlah pemberian bantuan tunai itu sendiri.

"Apa yang kita nampak daripada PADU ialah untuk mengenal pasti isi rumah yang berhak mendapat bantuan," katanya.

Pada minggu lalu, Rafizi dilaporkan berkata, kerajaan akan mengumumkan mekanisme dan kriteria membabitkan rasionalisasi subsidi dalam tempoh berapa minggu akan datang.

Beliau berkata, kerajaan akan memberi penerangan khusus berhubung implikasi mengenai mekanisme dan kriteria yang akan diumumkan kepada setiap lapisan masyarakat.

Katanya, 11.6 juta individu atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas telah mendaftar dengan PADU.

BERITA HARIAN
Tarikh 3 0 APR 2024

# Suasana kondusif rangsang produktiviti pekerja, tingkat daya saing organisasi

BH 30/4

- Mana-mana pekerja akan berasa aman dan selesa untuk bekerja di organisasi yang majikannya sentiasa menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan

- Pekerja harus peka keadaan persekitaran dengan mengetahui risiko serta bahaya mungkin berlaku dengan cara mengetahui tempat, prosedur atau keadaan berisiko supaya kemalangan dapat dielakkan



Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia

**Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman**
bhrencana@bh.com.my

**Hari** Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disambut pada 28 April di seluruh dunia bermula pada 2003 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Ia menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan tripartite dan dialog sosial.

Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disambut setiap tahun di negara ini sebagai sokongan dalam mementingkan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja.

Sambutan seperti ini sangat penting kerana peningkatan perangkaan penyakit pekerjaan dan kemalangan mampu memberi impak besar terhadap negara.

Hal ini kerana, kadar kemalangan industri yang rendah juga memberikan imej baik untuk negara, sekali gus menarik minat industri asing melabur. Kemalangan pekerjaan adalah kemalangan berlaku ketika bekerja termasuk kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik tempat kerja.

Di Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertanggungjawab memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di sektor awam dan swasta. JKKP bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Kesihatan pekerjaan atau keselamatan pekerjaan adalah bidang pelbagai disiplin berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di tempat kerja.

Kesan kesihatan kepada pekerja akibat pendedahan kepada mudarat bergantung kepada faktor seperti jenis mudarat, jangka masa pendedahan dan banyaknya jumlah mudarat didedahkan. Faktor sosial demografi pekerja seperti umur, jantina, keturunan dan status kesihatan turut berperanan.

Golongan pekerja mempunyai risiko mendapat kecederaan dan penyakit disebabkan mereka terdedah kepada pelbagai mudarat di tempat kerja. Kehilangan pekerja berkemahiran tinggi disebabkan penyakit dan kemalangan adalah kerugian sukar diganti.

Kesan jangkamasa panjang kesihatan kepada pekerja adalah terjadinya penyakit seperti hilang pendengaran akibat bunyi bising, penyakit paru-paru, kegagalan buah pinggang, penyakit saraf dan kanser.

## Pencegahan kemalangan

Lantaran itu, kerajaan berusaha memupuk dan membentuk budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di Malaysia. Matlamat ini boleh dicapai melalui kerjasama antara kerajaan, majikan dan pekerja dengan mendukung prinsip dan falsafah terkandung dalam Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara.

Statistik suku keempat 2021 menyatakan lebih 15 juta penduduk Malaysia bekerja untuk menyara diri dan keluarga. Justeru, menjadikan tempat kerja selamat, sihat dan bebas kemalangan serta penyakit adalah penting.

Hal ini kerana, ia menyumbang kepada peningkatan tahap persekitaran kerja menjadi satu daripada komponen penting kepada kualiti hidup pekerjaan dan produktiviti organisasi.

> "Menjadi tanggungjawab pihak pengurusan memastikan pekerja seliaan mereka bekerja dengan selamat dan sihat"



Kedua-dua kesan positif ini seterusnya akan menyumbang secara langsung kepada peningkatan kualiti hidup rakyat dan daya saing negara, sejajar dengan matlamat dasar dan pelan transformasi.

Hakikatnya, menjadi tanggungjawab pihak pengurusan memastikan pekerja seliaan mereka bekerja dengan selamat dan sihat. Mana-mana pekerja akan berasa aman dan selesa untuk bekerja di organisasi yang majikannya sentiasa menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Lantaran itu, majikan perlu melaksanakan keperluan keselamatan dan kesihatan mengikut kesesuaian tempat mereka dengan penyediaan keperluan, cadangan serta kaedah pengawalan dan pencegahan risiko tempat kerja setakat yang praktik.

Majikan mengabaikan aspek KKP serta gagal membuat analisis risiko dan mengadakan kawalan risiko berkesan akan meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Antara punca berlaku kemalangan di tempat kerja adalah hilang fokus. Bekerja dalam tempoh lama mendedahkan pekerja kepada hilang daya tumpuan. Justeru, setiap pekerja perlu diberi masa rehat singkat untuk mengembalikan semula tenaga dan membuatkan mereka segar.

Selain itu, tekanan atau stres boleh membawa kepada kemurungan dan kurang fokus. Antara perangsang stres adalah waktu bekerja lama, kerja terlalu banyak dan hubungan kurang baik antara pekerja bersama majikan.

Maka, pekerja dan majikan harus bekerjasama mewujudkan suasana kerja positif dan seronok. Pekerja turut harus peka dengan keadaan persekitaran mereka dengan mengetahui risiko serta bahaya mungkin berlaku dengan cara mengetahui tempat, prosedur atau keadaan berisiko supaya kemalangan dapat dielakkan.

Bagi mengelak berlakunya kemalangan di tempat kerja, kesedaran harus dipupuk terlebih dahulu dalam kalangan majikan dan pekerja supaya ia menjadi satu budaya sihat dan penting dalam aspek kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

Oleh kerana insiden atau kemalangan di tempat kerja boleh berlaku pada bila-bila masa, majikan harus bertanggungjawab dan memastikan mereka mengambil langkah perlu untuk mengurangkan risiko insiden atau kemalangan, di samping menyediakan persekitaran kerja selamat.

Persekitaran kerja kondusif dan selamat, menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti kerja kerana kesihatan pekerja terjamin dari segi fizikal, mental, dan emosi. Pekerja akan bekerja dengan tekanan kerja minimum dan berasa gembira untuk bekerja di tempat kerja.

Pekerja pula mengharapkan majikan mempunyai kesedaran, di sebalik keuntungan dikejar, keselamatan adalah perkara perlu menjadi keutamaan. Menjadi tanggungjawab kepada majikan untuk membekalkan alat pelindung diri bersesuaian secara percuma kepada pekerja. Jangan disebabkan kecuaian majikan, pekerja terpaksa menanggung derita.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 APR 2024

# Kanak-kanak terus dilindungi hadapi cabaran AI



*Azalina merasmikan program International Symposium on Empowerment of Children's Commissione di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia, Kuala Lumpur, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang membuat kajian bagi meminda Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) tahun depan, dengan mengambil kira cabaran yang muncul dalam teknologi hari ini, termasuk aspek berkaitan penggunaan kecerdasan buatan (AI).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata ketika ini ada pihak mengguna teknologi AI bagi tujuan jenayah, contohnya pengantunan kanak-kanak yang mewujudkan cabaran kepada undang-undang sedia ada.

"Saya tidak nafikan bahawa apa yang kita lakukan pada 2017 lepas mungkin tidak mengambil kira cabaran berkaitan penggunaan AI

"Sekarang ini jika saya bercakap dengan PDRM (Polis Diraja Malaysia) atau MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia), salah satu cabaran besar apabila ada pihak yang menjual visual kanak-kanak di *dark web* dan sekarang tidak perlu lagi, mereka boleh terus ke laman web biasa, terus ke dalam talian.

"Apabila bercakap mengenai antun (grooming) membabitkan AI, satu lagi cabaran adalah mengenai bayaran, mereka bayar menggunakan bitcoin dan mata wang kripto, kita tidak boleh kesan siapa yang buat pembayaran untuk kegiatan ini.

"Jadi kita perlu faham segalanya mengenai perkembangan teknologi ini dan tampil undang-undang yang boleh meliputi cabaran yang muncul," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program *International Symposium on Empowerment of Children's Commission: Strengthening Rights and Safeguarding Future* di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) di sini, semalam.

Azalina berkata, simposium semalam bertujuan membuat perbandingan dan belajar dari negara lain mengenai peranan yang dimainkan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) di negara masing-masing.

"Saya tekankan OCC tak akan bersifat konfrontasi, kita lebih kepada menilai isu undang-undang dalam negara kita dan peranan yang kita nak belajar dari negara lain.

"Simposium ini adalah langkah pertama untuk kita dengar dan lihat cara mereka (negara lain) dan belajar cara mereka, kelebihan dan kekurangan," katanya.

Sementara itu, Azalina berkata, kerajaan juga mengkaji keperluan untuk mewujudkan OCC peringkat negeri bagi memastikan pemantauan yang lebih menyeluruh.

"Sebab isu kanak-kanak ini tak boleh di Pusat sahaja, pemantauan juga perlu di peringkat negeri.

"Bagaimanapun, kita nak gerak tidak secara agresif, tetapi secara perlahan," katanya.

BERNAMA

BH 30/4

BERITA HARIAN
Tarikh 3 0 APR 2024

Dilema pemilik kem PLKN

# Persatuan, kerajaan kena bincang cari penyelesaian

BH 30/4

## Langkah bantu ringankan beban kewangan pengusaha tidak terbabit kontrak

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu duduk berbincang bagi mencari penyelesaian terbaik untuk membantu mengurangkan beban kewangan ditanggung bekas pengusaha kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang terjejas selepas program itu dimansuhkan secara mengejut pada 2018.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Datuk Abdul Hadi Awang Kechil, berkata pihak yang paling terjejas dalam isu itu adalah pengusaha PLKN yang tidak terbabit dengan sebarang kontrak di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) selepas program itu dihentikan.

"Pada pandangan saya, elok sangat kedua-dua pihak, iaitu persatuan yang mewakili pengusaha kem PLKN dan kerajaan berbincang dan mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Terutamanya pengusaha kem PLKN yang tidak terbabit dalam kontrak di bawah program kendalian KDN, sekurang-kurangnya mencari jalan mengurangkan beban kewangan dihadapi mereka," katanya kepada *BH*, semalam.

Difahamkan, 13 kem PLKN di seluruh negara diberi kontrak sebagai penjara satelit dan Depoh Tahanan Sementara Imigresen, manakala tujuh kem di Sabah dan Sarawak diberi kontrak menempatkan Rejimen Sempadan (RS) di bawah Tentera Darat Malaysia.



*Abdul Hadi*

### Tindakan berita mengejut

Mengulas lanjut, Abdul Hadi mengakui, keputusan kerajaan menghentikan PLKN pada 2018 adalah satu berita yang amat mengejutkan pihaknya kerana mengetahui puluhan pengusaha serta ribuan petugas dan jurulatih jelas terkesan dengan keputusan itu.

"Secara peribadi mengejutkan saya. Namun, saya yakin kerajaan membuat keputusan berdasarkan pertimbangan terbaik pada masa itu.

"Saya bersama PLKN selaku Ketua Pengarah JLKN selama lapan tahun. Memang tidak boleh saya sembunyikan kekecewaan apabila PLKN ditutup, memikirkan beribu-ribu jurulatih, sebahagiannya suami isteri hilang pekerjaan dalam sekelip mata.

"Saya tidak mahu sebut kesan kepada pengusaha kem PLKN yang perlu berhadapan dengan masalah kewangan kerana sebelum ini mereka sentiasa dipantau untuk memenuhi keperluan minimum kemudahan prasarana dan sajian kepada pelatih," katanya.

Beliau berkata, pengusaha kem PLKN yang mempunyai kontrak dengan KDN selepas program itu dimansuhkan, mungkin boleh meneruskan perniagaan harian tanpa masalah besar.

"Kedua-dua pihak (kerajaan dan persatuan) perlu teruskan perbincangan untuk memastikan nasib pengusaha yang terjejas akibat beban kewangan dapat dibantu dengan sewajarnya," katanya yang bersara daripada jawatan Ketua Pengarah JLKN pada September 2014.

**Bekas kem PLKN ditukar fungsi**

| | |
|---|---|
| Kem Rejimen Sempadan | 5 kem |
| Penjara Satelit | 8 kem |
| Pusat Program Reintegrasi Penghuni (parol) | 5 kem |
| Penjara satelit / Pusat tahanan pendatang asing tanpa izin | 1 kem |
| Depot sementara imigresen | 2 kem |
| Jumlah | 21 kem |

BERITA HARIAN
Tarikh 30 APR 2024

# Kerajaan rancang galak pasang sistem solar di hospital

BH 30/4

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang merancang usaha bagi menggalakkan pemasangan dan penggunaan sistem solar di hospital kerajaan menerusi kerjasama dengan pihak swasta dalam menyokong usaha peralihan tenaga di peringkat organisasi berteraskan perkhidmatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata rancangan itu sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Perubahan Tenaga Negara (NETR), melibatkan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan (KKM) selain mengambil kira peruntukan kewangan.

"Apa yang kita rencanakan untuk mereka bekerja dengan pihak swasta sebagai *service provider* dengan pihak swasta yang akan pasang (sistem solar).

"Tapi nanti akan ada *profit sharing* dari segi penjimatan tenaga, selain manfaat dalam carbon trading," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan sistem penjanaan tenaga solar dengan kapasiti 420 kilowatt bagi fasiliti di bawah IHH Healthcare Malaysia di Pusat Perubatan Prince Court di sini, semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata 88 peratus daripada kuota 1,100 megawatt (MW) Program Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) bagi pemasangan solar di bumbung bangunan untuk pengguna komersial dan industri berjaya diagihkan kepada pelbagai pihak setakat ini.

Beliau berkata, tumpuan peralihan tenaga ketika ini akan diberikan kepada usaha memanfaatkan potensi sumber tenaga boleh diperbaharui tersedia yang dimiliki negara ini seperti daripada sumber solar, biojisim, biogas dan hidroelektrik.

"Antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang berpotensi, mudah dibangunkan dengan kos yang optimum dan pada berskala utiliti dengan memanfaatkan sumber solar di bumbung premis dan bangunan," katanya.

Beliau turut memuji usaha IHH Healthcare Malaysia yang memanfaatkan ruang bumbung di semua 16 buah hospital di bawah kumpulan syarikatnya di seluruh Malaysia untuk pemasangan sistem solar.

"Inisiatif IHH Healthcare satu pencapaian penting ke arah komitmen Malaysia terhadap kemampanan dan tenaga boleh diperbaharui sejajar matlamat negara mencapai pelepasan gas rumah hijau *net-zero* menjelang 2050," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.......3 0 APR 2024...

(MPS) UM 20/4

# Mengaku salah perdaya pengerusi pertubuhan

**SHAH ALAM:** Seorang bekas pembantu am Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas dua pertuduhan memperdaya seorang pengerusi pertubuhan sebuah rumah kebajikan orang-orang tua, dua tahun lalu.

Tertuduh, Murugan Muniyandi membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan ke atasnya dalam bahasa Tamil di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, Murugan, 43, didakwa memperdaya lelaki berkenaan untuk menyerahkan wang RM2,300 kepadanya dengan mempercayai bahawa tertuduh boleh membantunya mendapatkan barangan lelongan MPS.

Kemudian, tertuduh yang kini bekerja sebagai seorang kelindan lori itu juga dituduh memperdaya mangsa sama supaya menyerahkan RM200 yang dipercayai untuk digunakan sebagai sumbangan majlis hari raya anjuran pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan pada 4 dan 10 April 2022, masing-masing dekat sebuah cawangan bank di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur serta sebuah restoran di Taman Selayang Segar, Gombak.

Justeru, bagi kedua-dua kesalahan itu, dia dituduh di bawah Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Peguam tertuduh, Komagan Kanan kemudian memohon mahkamah menjatuhkan hukuman denda minimum dengan mengambil kira faktor anak guamnya yang mengaku bersalah dan menghadapi masalah kesihatan.

"Anak guam masih bujang dan dahulu bekerja sebagai seorang pembantu am di MPS sebelum dibuang kerja. Kemudian dia bekerja sebagai kelindan lori dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

"Murugan juga menghadapi masalah kencing manis yang agak kronik apabila jari kaki kanannya mengalami luka dan perlu dibedah. Dalam masa sama jangkitan merebak ke jari kaki kanannya yang lain," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 APR 2024

# Henti operasi pasar malam waktu maghrib hanya untuk peniaga Islam

um 30/4

**SUNGAI PETANI:** Arahan kerajaan negeri supaya peniaga pasar malam menghentikan semua aktiviti perniagaan pada waktu maghrib bermula Rabu ini hanya tertakluk kepada mereka yang beragama Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan negeri, Mejar (B) Mansor Zakaria berkata, penguatkuasaan arahan itu adalah selaras keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang bersidang 21 Februari lalu.

"Arahan ini dikuatkuasakan kepada aktiviti perniagaan pasar malam di bawah kendalian pihak berkuasa tempatan (PBT) atau swasta di seluruh negeri.

"Walau bagaimanapun ia dikecualikan kepada peniaga bukan Islam khususnya pasar malam yang dianjurkan di kawasan sekitar rumah ibadat bukan Islam atau waktu perayaan bukan Islam dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Kata beliau, pengecualian sama turut diberi kepada pasar malam yang terletak di kawasan didiami ramai penduduk bukan Islam.

"Bagi sebahagian kecil peniaga bukan Islam yang berniaga di pasar malam melibatkan ramai peniaga Islam, mereka digalakkan untuk menutup perniagaan. Kita juga tiada sebarang halangan jika mereka mahu meneruskan aktiviti perniagaan," ujarnya.

Sementara itu, Mansor berkata, masa untuk menghentikan perniagaan adalah dalam tempoh 10 minit sebelum waktu maghrib dan 10 hingga 15 minit selepas bermula waktu solat itu.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 APR 2024



FADHLINA Sidek (berdiri, dua dari kiri) meninjau keadaan dan suasana dalam salah satu daripada kelas di Sekolah Menengah Kebangsaan SMK Meru di Klang, Selangor, semalam. – UTUSAN/SADDAM YUSOFF

UM 30/4

# 'Kelas terapung' atasi masalah sekolah padat

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

**KLANG:** Konsep 'kelas terapung' adalah antara inisiatif yang digunakan bagi mengatasi masalah sekolah yang berkepadatan tinggi di seluruh negara terutama di Lembah Klang.

Bagaimanapun, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, hanya 86 buah sekolah dikenal pasti mempunyai lebih 40 pelajar dalam sesebuah kelas.

Kelas terapung merupakan kelas atau bilik darjah khas yang diwujudkan menerusi penggunaan fasiliti sekolah secara optimum seperti makmal, bengkel, bilik bahasa dan bilik kesihatan.

"Tidak semua sekolah akan menggunakan dinamika kelas terapung bagi subjek pelajaran tertentu dan ia bergantung kepada kesesuaiannya.

"Jika mereka ada kelas lebih, boleh buat konsep itu. Jika tiada, mungkin boleh guna kaedah lain bagi mengatasi masalah kepadatan pelajar," katanya ketika ditemui selepas meninjau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru, hari ini.

*Utusan Malaysia* sebelum ini mendedahkan keadaan sekolah di Lembah Klang terutama di Selangor diibaratkan seperti 'tin sardin' kerana mempunyai antara 2,000 hingga 3,000 pelajar dalam dua sesi.

Fadhlina memberitahu, hasil tinjauan menerusi program Tindak Susul Parlimen (TSP) Siri Satu di SMK Meru, sesi pembelajaran dan pergerakan pelajar berjalan dengan teratur setakat ini.

"Pihak pentadbiran sekolah yang mempunyai mempunyai 4,198 pelajar dan 240 guru bagi sesi penuh itu mewujudkan kelas terapung dengan mengoptimumkan semua fasiliti.

"Jadi, pengalaman seumpama ini yang kita boleh lihat untuk digunakan di sekolah lain," ujarnya.

Tambah beliau, lawatan bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) penting sebagai maklum balas terhadap isu melibatkan sekolah.

"Selain itu, kita melihat bagaimana mahu menyufaikan pelajar di sekolah padat dan mengoptimumkan sekolah lain di kawasan sekitar sebagai pilihan kepada ibu bapa.

"Bagi jangka masa panjang, pembinaan sekolah baharu juga diharap dapat menyelesaikan isu kepadatan itu dengan turut meliputi sesi libat urus bersama kerajaan negeri," jelasnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 APR 2024

um 30/4

# Penstrukturan semula akaun KWSP imbangi kehidupan rakyat

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Langkah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan inisiatif Penstrukturan Semula Akaun KWSP berkuat kuasa 11 Mei ini dilihat tepat pada masanya bagi menambah baik pendapatan persaraan di samping memenuhi keperluan kitaran hidup pencarum.

Sejurus pengumuman tersebut, pelbagai lapisan masyarakat menyambut baik keputusan KWSP itu kerana dapat membantu rakyat yang terkesan dengan banyak cabaran ekonomi ketika ini.

Ramai melihat penstrukturan semula akaun ini mengikut keperluan semasa pencarum yang berdepan kenaikan kos sara hidup, pertumbuhan gaji yang rendah serta peningkatan jumlah orang bekerja sendiri.

Namun masih terdapat segelintir pihak tidak memahami apakah tujuan penstrukturan semula akaun ahli KWSP yang melibatkan sebanyak 16.07 juta orang termasuk 8.52 ahli aktif yang mewakili 50 peratus daripada 17.03 juta tenaga buruh Malaysia seperti dilaporkan pada akhir 2023.

Jadi apakah maksud sebenar pengumuman KWSP tersebut?

Bermula 11 Mei ini, akaun ahli akan distruktur semula daripada dua akaun iaitu Akaun 1 dan Akaun 2 kepada tiga akaun.

### Perincian tiga akaun adalah seperti berikut:

1. **Akaun Persaraan** untuk mengumpul simpanan sebagai pendapatan semasa persaraan.
2. **Akaun Sejahtera** untuk menangani keperluan kitaran hayat yang menyumbang kepada kesejahteraan semasa persaraan.
3. **Akaun Fleksibel** sebagai akaun baharu untuk menyediakan fleksibiliti untuk keperluan kewangan jangka pendek. Ia boleh difahami bahawa simpanan dalam akaun ini boleh dikeluarkan pada bila-bila masa mengikut keperluan ahli.

Ini bermakna selepas 11 Mei nanti, semua caruman akan diperuntukkan ke dalam akaun baharu mengikut pecahan berikut:

- 75 peratus ke dalam Akaun Persaraan.
- 15 peratus ke dalam Akaun Sejahtera.
- 10 peratus ke dalam Akaun Fleksibel (yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa berdasarkan keperluan ahli).

Justeru itu, antara 12 Mei dan 31 Ogos, ahli diberi pilihan sekali sahaja untuk memindahkan sebahagian daripada baki simpanan dalam Akaun Sejahtera mereka yang sebelum ini dikenali sebagai Akaun 2 sebagai amaun permulaan ke dalam Akaun Fleksibel.

Sekiranya ahli tidak membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, maka tiada sebarang pindahan akan dibuat dan baki sedia ada akan kekal dalam Akaun Sejahtera.

"Akaun Fleksibel akan bermula dengan caruman baharu yang akan dikreditkan ke dalam akaun ahli selepas tarikh pelaksanaan.

"Sekiranya ahli membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel dan akaun-akaun yang lain (jika berkenaan) adalah berdasarkan jumlah baki yang terdapat dalam Akaun Sejahtera ahli tersebut pada tarikh permohonan pilihan dibuat oleh ahli," kata KWSP.

Para pencarum boleh berbuat demikian secara dalam talian melalui KWSP i-Akaun atau Terminal Layan Diri (SST) di mana-mana cawangan KWSP berhampiran dengan pilihan ini hanya boleh dibuat sekali sahaja pada bila-bila masa sepanjang tempoh tersebut (12 Mei - 31 Ogos) dan tidak boleh dibatalkan.

Bagi Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Mohd. Faisol Ibrahim, penstrukturan itu dilihat sebagai usaha berterusan pihak KWSP mendisiplinkan ahli dalam pengurusan kewangan mereka yang terdedah kepada cabaran ekonomi semasa.

"Justeru, penstrukturan ini memberi ruang dan peluang kepada ahli KWSP menggunakan wang simpanan KWSP dalam jumlah tertentu secara berdisiplin dan berhemah, dalam masa sama tidak menggugat wang simpanan persaraan," katanya.

Menurutnya, Akaun Fleksibel menjadi sumber utama pencarum dengan sebanyak 10 peratus caruman diperuntukkan dalam akaun tersebut jika terdapat keperluan yang amat mendesak.

"Kalau ahli menghadapi situasi mendesak atau kecemasan dalam waktu yang pendek, para pencarum boleh mengeluarkan wang simpanan caruman mereka di KWSP bila-bila masa.

"Jadi, akaun ini menjadi sumber talian hayat bagi para pencarum mendapatkan wang mereka tanpa perlu risau tentang simpanan persaraan hari tua nanti," katanya.

Sementara itu, pencarum yang memilih memindahkan baki Akaun Sejahtera, situasi ini terbahagi kepada dua keadaan iaitu:

### Baki dalam Akaun Sejahtera adalah RM3,000 dan ke atas.

- 10/30 daripada baki dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Fleksibel.
- 5/30 daripada baki dalam Akaun Sejahtera akan dipindahkan ke Akaun Persaraan.
- 15/30 akan dikekalkan dalam Akaun Sejahtera.

### Baki dalam Akaun Sejahtera adalah kurang RM3,000

- Akaun Sejahtera yang mempunyai baki RM1,000 dan ke bawah, semua amaun boleh dipindahkan ke Akaun Fleksibel.
- Akaun Sejahtera yang mempunyai baki melebihi RM1,000 dan tidak melebihi RM3,000, amaun yang dipindahkan ke Akaun Fleksibel adalah sehingga RM1,000 manakala baki selebihnya adalah kekal dalam Akaun Sejahtera.

Ahli yang mempunyai baki kurang RM1,000 dalam Akaun Sejahtera boleh memindahkan sehingga jumlah baki yang tersedia sahaja dan sebarang lebihan, jika ada, akan terus kekal dalam akaun tersebut.

Perbezaan dalam kaedah agihan ini adalah untuk membolehkan ahli yang mempunyai baki simpanan rendah untuk turut mempunyai jumlah permulaan yang bermakna dalam Akaun Fleksibel mereka.

KWSP menetapkan empat syarat pengeluaran Akaun Fleksibel iaitu terbuka kepada semua ahli sama ada warga Malaysia atau bukan, belum mencapai usia 55 tahun, mempunyai simpanan dalam akaun dan had pengeluaran minimum RM50.

Kaedah pengeluaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui KWSP i-Akaun atau di pejabat KWSP berhampiran dan bayaran dibuat dalam tempoh tujuh hari bekerja.

"Ahli boleh membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel pada bila-bila masa, tertakluk kepada amaun minimum pengeluaran sebanyak RM50," kata KWSP.










UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 3 0 APR 2024

CRIMINAL PURPOSES

NST 30/4

# A.I. PROMPTING GOVT TO AMEND CHILD SEXUAL OFFENCES LAW

## 2017 act may not be enough to address new tech challenges, says Azalina



*Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said (front row, sixth from left) and her deputy, M. Kulasegaran (front row, fifth from right), at the International Symposium on Empowerment of Children's Commission in Kuala Lumpur yesterday.* BERNAMA PIC

**KUALA LUMPUR**

THE government is studying amendments to the Sexual Offences Against Children Act 2017 to address challenges posed by technology, including artificial intelligence (AI).

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said yesterday said this was important due to the rise of using AI for criminal purposes, including grooming.

"I cannot deny that the legislation we passed in 2017 may not adequately address challenges posed by AI.

"For instance, when I speak to the police or the Malaysian Communications and Multimedia Commission, one of the significant issues they face is the sale of visual materials depicting children.

"Previously, this occurred mainly on the dark web, but now, perpetrators are operating on the wider web.

"When we talk about grooming facilitated by AI, another challenge is the method of payment.

"Perpetrators often use Bitcoin and other cryptocurrencies, making it difficult to trace who is paying for the grooming.

Azalina said: "With technology advancing rapidly, we need to understand the landscape and enact laws that can address these challenges."

She said this after the opening of the International Symposium on Empowerment of Children's Commission, themed "Strengthening Rights and Safeguarding Futures", at the Asian International Arbitration Centre here.

She said the symposium aimed to compare and study the roles of the Office of the Children's Commissioner (OCC) in different countries.

"I want to emphasise that the OCC will not take a confrontational approach.

"Our focus is on assessing the legal issues in our country and learning about the role of the OCC in other countries.

"This symposium is the first step for us to listen and observe how other countries address this issue and to learn from their strengths and weaknesses."

She said the government was studying the necessity of establishing OCCs at the state level to ensure more comprehensive monitoring.

"As issues related to children cannot be managed solely at the central level, monitoring also needs to be conducted at the state level.

"However, we will proceed gradually rather than aggressively."
**Bernama**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 3 0 APR 2024

LACK OF SAVINGS

NST 30/4 ①

# LOW WAGES A BIG STUMBLING BLOCK

## Many Malaysians spending huge portion of income on basic necessities alone, say economists

FAIQAH KAMARUDDIN
**KUALA LUMPUR**
bt@nst.com.my

LOW wages, rising cost of living, slow pace of industrial upgrading and rapid urbanisation are the primary reasons hindering Malaysian individuals' ability to save, said economists.

Sunway University economics Prof Dr Yeah Kim Leng said households earning below the relative poverty threshold would find it challenging to save as they grappled with meeting essential needs and managing the increased cost of living, particularly in urban settings.

"The country's household savings will be largely contributed by the higher income groups, thereby accentuating the negative effects of income inequality.

"For households living below the relative poverty line, they would be hard-pressed to cope with the rise in living costs, let alone save for emergency or retirement purposes," he told 'Business Times'.

Yeah pointed out that households above the relative poverty line had improved opportunities to save a portion of their income by adjusting their lifestyle, enhancing household budgeting and engaging in better financial planning.

"The country's high urbanisation rate, covering more than 70 per cent of the population, has led to rising consumerism. Online shopping has also reshaped attitudes on spending and saving, especially among the younger generation.

"The country's rising affluence, albeit distributed unequally, and the expanding middle class and smaller family size, have also altered spending and saving behaviour," he added.

Yeah said despite the country's well-established financial system and presence of various savings options, individuals' struggles with saving could also be partly ascribed to insufficient financial literacy, education and training.

Singapore Institute of International Affairs senior fellow Dr Oh Ei Sun emphasised the need to address the wage issue in Malaysia, saying many Malaysian workers were burdened with low wages.

"On the other hand, employers would argue that they would like to see increased worker productivity in tandem with increased wages. But workers may be partially demoralised by low wages from increasing their productivity, and the vicious cycle repeats itself."

> *"The country's household savings will be largely contributed by the higher income groups, thereby accentuating the negative effects of income inequality.*
>
> **PROF DR YEAH KIM LENG**
> Sunway University

Oh said a significant number of Malaysians did not perceive themselves as impoverished and continued to spend by relying on the belief that they would receive assistance if they faced financial difficulties.

"This has resulted in minimal motivation to save for the future," he added.

Malaysian Institute of Economic Research economist Dr Shankaran Nambiar said the sluggish wage growth exacerbated the challenge arising from the rising cost of living, which also contributed to the higher household debt.

"The Bottom 40 households would likely be spending most of their income on essentials such as food and are unlikely to have savings."

Economist Prof Dr Geoffrey Williams said the savings culture was low among private sector employees.

"Households with low income spend almost everything they have on basic day-to-day necessities.

"According to Bank Negara Malaysia's research, those in the lowest income groups spend more than 80 per cent of their income and save less than 20 per cent, while those in the highest income groups save 75 per cent of their income and spend only a quarter."

Williams said wealthy individuals amassed savings in pensions and various investments, whereas those with less wealth typically had minimal savings, including low-value pensions.

"So those who are poor in their younger years are also poor in their older years and thus, we get old-aged poverty as a result.

"As the cost of living rises faster than income, people have to spend more of their income and save less. If there is another crisis like the Covid-19 pandemic, they will use up their savings quickly," he added.

Yeah said effective strategies for addressing the low rate of savings included maintaining a stable and low inflation, restructuring the economy by fostering high-wage employment,



NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 3 0 APR 2024

NST 30/4



Households with low income often spend almost everything they have on basic day-to-day necessities due to the rising cost of living, leaving very little for savings. FILE PIX




and promoting growth in high-value industries.

"As income increases and the population ages, savings inevitably rise. The efficient mobilisation of savings and channelling them into productive investments, with minimal leakages, are also important."

Yeah stressed that while it was important not to replicate the excessive savings seen in countries like China and Japan, insufficient savings, particularly evident in nations like the United States, could also pose risks to a country's macroeconomic stability and long-term development.

"In the case of Malaysia, there is a need to raise both investment and savings rate concurrently to above 25 per cent to achieve high sustainable growth.

"At the individual and household levels, it is important that there are sufficient savings for emergency spending and retirement purposes," he added.

He said strategies to encourage savings encompassed implementing policies that offered fiscal and financial incentives, such as tax deductions and matched savings funds tailored to specific demographics.

"Financial literacy programmes are also important in shaping savings behaviour and nurturing financial competency and capabilities," he added.

Williams said the initial policy approach involved raising incomes or decreasing taxes to alleviate financial burdens, while another option was to enforce mandatory savings for retirement, such as through pension schemes, and eliminate withdrawal options.

"A third is for the government to save for the people using social protection policies," he added.


NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 30 APR 2024

# Ringgit flat against dollar with investors in 'wait-and-see' mode

Sun 30/4

**THE** ringgit ended flat against the US dollar yesterday as investors took the "wait-and-see" approach ahead of the latest economic assessment by the US Federal Open Market Committee (FOMC) during its meeting today and tomorrow, said an analyst.

At 6pm, the ringgit was unchanged at 4.7650/7700 versus the greenback from Friday's close of 4.7650/7710.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid reckoned that market participants would maintain a cautious stance ahead of the meeting, as well as the release of key data points on the US labour markets.

"Nevertheless, the ringgit remains fairly stable, in tandem with major currencies that appear to have strengthened against the US dollar," he told Bernama.

At the close, the ringgit was traded mostly lower against a basket of major currencies.

The ringgit slid versus the Japanese yen to 3.0588/0624 from 3.0408/0451 at Friday's close, and slipped vis-a-vis the British pound to 5.9710/9773 from 5.9644/9719 previously.

However, it climbed against the euro to 5.1052/1106 from 5.1157/1221 at the end of last week.

At the same time, the local note was traded mixed against Asean currencies.

It appreciated versus the Thai baht to 12.8669/8853 from 12.8902/9120 last Friday and inched up vis-a-vis the Indonesian rupiah to 293.1/293.5 from 293.9/294.4 previously.

However, it stood unchanged against the Philippines' peso at 8.26/8.27 from 8.26/8.27 last week and fell versus the Singapore dollar to 3.5039/5081 from 3.5021/5068 previously.

THE SUN
Tarikh: 3 0 APR 2024

# Solar initiatives for public hospitals

Sun 30/4

**KUALA LUMPUR:** The government is planning initiatives to encourage the installation and utilisation of solar energy systems at government hospitals. The initiatives are through collaboration with the private sector to support energy transition efforts at the organisational level based on service-oriented approaches.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said the initiative, which is part of the National Energy Transition Roadmap, will involve discussions with the Health Ministry, besides taking into account existing financial allocations.

"What we plan is for them to work with the private sector as a service provider, where they (the private sector) will handle the installation. There will also be profit-sharing in terms of energy savings, besides benefits in carbon trading," he said after launching a solar power generation system at the Prince Court Medical Centre yesterday. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 30 APR 2024

# Malaysia aims to move up R&D investments ladder

Jun 30/4

**PUTRAJAYA:** Malaysia aims to increase investments in research and development (R&D) to be on par with developed countries that have successfully leveraged R&D to improve their global competitiveness, said Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang.

According to him, Malaysia's R&D investments still lag behind developed countries such as South Korea, Japan and Singapore.

To close the gap, the Madani Economy agenda has set a target for the country to achieve a gross expenditure on R&D (GERD) of 3.5% of gross domestic product by 2030 to ensure strong economic development in the long term, he said in his keynote address at the Mimos Technology Preview (MTP) 2024 here yesterday.

"Increased investments in the R&D sector can lead to higher productivity, create highly skilled jobs, and increase the country's economic value. Additionally, it stimulates innovation in key sectors, namely biotechnology, renewable energy, and digital technology, which will help to address current challenges such as food security and climate change," he said.

Chang said Mimos Bhd, as the country's leading R&D agency, has a role in supporting the GERD target of 3.5%.

"To reach the objective, Mimos is carrying out strategic initiatives such as collaborating with industry leaders to develop and use new technologies that meet global energy demand, as exhibited at MTP 2024," he said.

The minister said the collaboration not only spurred technological advancement but also ensured that R&D results have practical applications, thus being able to be commercialised and provide benefits to society.

He said Mimos aims to commercialise 20 R&D projects by the end of 2025.

During the event, Mimos is scheduled to ink a memorandum of understanding with Axicom and Iscada Net (iS.net), as well as a technology licence agreement with SquareCloud to implement Mimos' autonomous chiller control and energy efficiency (Mi-Ace) system technology in government and commercial buildings.

The Mi-Ace system was developed with SquareCloud, utilising artificial intelligence technology and wireless Internet of Things to revolutionise building cooling systems. – Bernama

THE SUN
Tarikh: 30 APR 2024